

Sejarah Elemen Perpaduan Rakyat

History of the Elements of People's Unity

Ishak Saat

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: ishakhj@fsk.upsi.edu.my

Received: 07 March 2021; **Accepted:** 17 April 2021; **Published:** 24 May 2021

To cite this article (APA): Saat, I. (2021). History of the Elements of People's Unity. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 48-58.
<https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.5.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.5.2021>

Abstrak

Kemerdekaan Malaysia dicapai melalui permuafakatan politik pelbagai kaum. Perjuangan, pengorbanan dan sumbangan tokoh-tokoh terdahulu berhasil membentuk sebuah negara merdeka pada 31 Ogos 1957. Merujuk kepada sumber dan dokumen sejarah, artikel ini dihasilkan untuk memberikan peringatan kepada masyarakat agar mempelajari, memahami dan mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah yang pernah dilalui oleh Malaysia. Dengan bermatlamatkan perpaduan dan keharmonian, hubungan antara kaum dapat dipupuk dan sentiasa terpelihara demi negara Malaysia merdeka. Kegagalan memahami sejarah silam menyebabkan sesebuah negara bangsa itu akan kembali terjerumus dalam kancan perbalahan dan persengketaan kaum yang bukan menguntungkan negara malah akan merugikan negara. Implikasinya, runtuhnya sebuah negara merdeka yang dibina bersama. Oleh itu, aspek kehidupan sama ada ekonomi, politik dan juga sosial perlu dipupuk ke arah menjayakan Rukun Negara dengan cara menghayati sejarah silam demi membina Malaysia baharu.

Kata kunci: sejarah, persengketaan kaum, perpaduan, dan permuafakatan politik.

Abstract

An independent Malaysia is built through multi-racial political consensus. The struggles, sacrifices and contributions of previous figures succeeded in forming an independent nation on the 31st August 1957. With reference to historical sources and documents, this article is produced to provide a reminder to the public to learn, understand and take heed of the historical events that Malaysia has gone through. With the aim of unity and harmony, inter-racial relations can be nurtured and always preserved for the sake of an independent Malaysia. Failure to understand the history of the past will cause a nation to fall back into the conflicts and disputes that will not benefit the country but will harm the country. The implication is the collapse of an independent nation that has been built together. Therefore, the aspects of life, whether economic, political and social, need to be nurtured towards the success of the national philosophy by appreciating the past history in order to build a new Malaysia.

Keywords: history, racial strife, unity, tolerance, and political consensus.

Pengenalan

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama, budaya dan kedudukan wilayah sentiasa hidup dalam harmoni sebagai satu bangsa Malaysia yang bersatu dan komited untuk membentuk identiti kebangsaan. Lantaran itu, bagi mewujudkan perpaduan maka proses dinamik untuk merapatkan hubungan antara kaum dan antara negeri dalam Malaysia mesti berterusan. Perkara ini bertujuan untuk membentuk satu identiti yang tersendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Oleh itu, perkara ini menjadi amanah bagi seluruh rakyat Malaysia untuk memastikan

toleransi antara kaum diamalkan secara maksimum. Demi Malaysia, maka seluruh rakyat pelbagai kaum mesti meletakkan kepentingan negara mendahului kepentingan individu atau kaum-kaum tertentu. Hal ini demikian, dapat menjamin kemakmuran dan kerjasama antara kaum sentiasa berada pada tahap maksimum. Maka negara merdeka ini akan sentiasa diwarisi kepada generasi baharu dalam keadaan yang aman, makmur dan membangun.

Tinjauan Literatur

Sejarah Elemen Perpaduan Masyarakat

Bagi menjamin keharmonian masyarakat majmuk, asasnya terletak pada kesefahaman antara kaum. Bagi merealisasikan perpaduan dalam masyarakat, toleransi merupakan elemen utama demi mewujudkan kesejahteraan hidup bersama. Hidup dalam keadaan aman, bebas dan merdeka. Malaysia merupakan sebuah negara kecil yang di dalamnya terdapat kepelbagaian kombinasi, baik dari segi etnik, budaya, bahasa mahupun agama. Kepelbagaian inilah yang membuatkan Malaysia sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa sebagai model keharmonian kaum (Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 1991). Namun begitu, untuk membina sebuah negara bangsa yang bernama Malaysia, kita sering diuji dengan pelbagai tribulasi yang kadang kala menggugat jalinan keharmonian antara kaum.

Kemakmuran yang dinikmati hari ini merupakan terjemahan daripada sejarah yang panjang. Perpaduan yang wujud hari ini merupakan sebuah kebahagiaan yang telah melalui proses interaksi, integrasi dan asimilasi antara masyarakat pribumi lokal dengan masyarakat bukan pribumi lokal. Proses ini mengambil masa yang agak panjang dan turut mencatatkan liku-liku zaman kedukaannya. Permuafakatan politik antara kaum sejak era perjuangan kemerdekaan dapat digarap sehingga terhasilnya sebuah kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Hari kemerdekaan ini merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat Malaysia dan disambut dengan penuh kegemilangan dan kesyukuran bagi semua lapisan masyarakat tidak kira bangsa dan agama. Bermula dari situ, Malaysia dibangunkan dari sebuah negara agraria kepada sebuah negara maju dalam bidang teknologi moden. Daripada perdana menteri pertama sehingga keempat, pemacuan ke arah pembangunan mampan terhasil dengan baik dan berjaya. Antara dasar yang membantu seperti Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penswastaan, Dasar Persyarikatan Malaysia, Dasar Industri Berat dan pelbagai lagi dasar yang dipacu ke arah membangunkan Malaysia dan membuahkan hasil yang boleh dibanggakan. Rasa terima kasih perlu diberikan kepada bapa kemerdekaan Malaysia dan juga pemimpin kemudiannya, contohnya Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj serta kepada pengganti-penggantinya seperti Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam menerajui Malaysia ke arah kemakmuran dan pembangunan. Generasi baharu mesti diberikan maklumat yang tepat tentang peranan, sumbangan dan pengorbanan pemimpin terdahulu agar mereka dapat memahami dan menghargai jalan rintis yang diterokai oleh generasi terdahulu. Bagaimana maklumat ini hendak disampaikan kepada generasi muda? Tidak lain dan tidak bukan ialah dengan mempelajari sejarah Malaysia itu sendiri berdasarkan konsep 'sebagaimana ianya terjadi' (Carr, 1965) Dengan kata lain, sejarah digambarkan secara objektif berdasarkan kepada fakta sejarah sebenar, tidak memihak atau wujudnya unsur prasangka. (Gawronski, 1975). Begitu juga dengan pandangan Ibnu Khaldun (1962) yang menggariskan bahawa sejarah itu sebagai catatan atau maklumat tentang manusia, masyarakat, tokoh dan tamadun. Sejarah perlu berkisar tentang sifat-sifat manusia seperti keramahan, kepimpinan dan setiakawan antara satu golongan dengan golongan yang lain, akhirnya membentuk sebuah negara bangsa.

Melalui proses sejarah yang dilalui negara, maka hari ini keutuhan perpaduan rakyat Malaysia sudah teruji. Namun peringatan mesti sentiasa diberikan agar keutuhan hubungan antara kaum ini sentiasa terpelihara. Di sini timbul persoalan sejauhmanakah kekuatan dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia betul-betul jitu. Sering kali dilihat keutuhan perpaduan kaum di Malaysia tergugat oleh beberapa insiden yang kadang kala menimbulkan perasaan tidak puas hati antara kaum. Untuk membicarakan persoalan berkaitan dengan aspek ini, maka perlulah terlebih dahulu kita

menyingkap kembali sejarah imigran di Malaysia. Melalui sejarah ini setiap individu dapat mengetahui asal-usul sesuatu peristiwa itu berlaku seterusnya boleh berfikir dua kali apabila berbicara soal sensitiviti kaum (Ishak, 2005).

Malaysia terkenal dengan kepelbagaian etnik yang hidup dalam suasana muafakat yang jitu. Hal ini menjadikan Malaysia sebagai model masyarakat majmuk di peringkat antarabangsa. Pribumi asal terdiri daripada bangsa Melayu, Bumiputera dan masyarakat asal tetapi kedatangan penjajah membawa masuk kaum imigran ke sini mempelbagaikan etnik masyarakat Malaysia. Lama-kelamaan bangsa ini berkembang dan selepas berakhirnya era penjajahan ada yang kembali ke tanah asal tetapi tidak kurang juga yang terus menetap di sini dan menjadikan Malaysia sebagai tanah air sendiri hingga mereka diterima orang Melayu dengan penuh lapang dada.

Tragedi 13 Mei 1969 mencatat sejarah hitam pertumpahan darah dalam kalangan rakyat Malaysia. Perkara ini membuka mata pelbagai pihak tentang kepentingan untuk menjaga sensitiviti dalam masyarakat majmuk (Kia Soong, 2007). Hasilnya Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan (Kertas Putih Kerajaan, 1969). Kemudian pada 1 Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan di bawah pentadbiran MAGERAN bagi menangani isu-isu berkaitan dan membantu kerajaan membina semula perpaduan masyarakat. Jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk memupuk dan memelihara perpaduan antara kaum dan kini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dikenali dengan nama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Perbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk terus memastikan perpaduan negara terpelihara dan ini dapat dilihat dengan pembentukan parti Barisan Nasional, pengenalan pelbagai dasar negara seperti Rukun Negara dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta pemupukan perpaduan dalam kurikulum pendidikan melalui Falsafah Pendidikan Negara (INTAN, 1991).

Masyarakat Majmuk

Kajian Mohd. Taib (1998) menegaskan bahawa asas perpaduan masyarakat mesti melalui proses interaksi, integrasi dan asimilasi. Proses interaksi, integrasi dan asimilasi berlaku dengan cara mengolah aspek budaya tradisional Bumiputera dan penerapan unsur budaya imigran yang sesuai untuk dijadikan budaya nasional. Apabila membicarakan tentang budaya, biasanya ia merangkumi sistem kehidupan manusia termasuklah aspek sosial, agama, budaya, adat resam dan kesenian, bahasa, ekonomi, pendidikan, dan juga aspek politik. Perkara penting ialah asimilasi budaya Melayu dengan budaya Cina dan India, tidak patut dimomokkan hingga mengeruhkan dunia politik kerana perkara ini tidak mustahil boleh berlaku. Seharusnya, setiap individu berusaha menggalakkan agar budaya masing-masing menurunkan sempadan atau tembok pemisah ini agar proses integrasi berjalan lancar dan pemupukan kebudayaan kebangsaan dapat diterapkan secara positif dan berkesan (Mohd. Taib, 1988). Akhirnya usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia yang hidup rukun dan damai akan menjadi kenyataan sesuai dengan peribahasa Melayu, '*Bersatu teguh, Bercerai roboh*'.

Metodologi Kajian

Artikel ini dihasilkan melalui proses analisis dokumen sejarah yang berkaitan dengan Peristiwa 13 Mei 1969 yang memalut sejarah hubungan antara kaum di Malaysia. Malah penganalisan terhadap dokumen kerajaan dalam menangani isu perpaduan turut dijalankan seperti melihat kertas putih kerajaan, dokumen Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan juga Laporan kerajaan berkaitan dengan pemupukan perpaduan dalam pendidikan melalui Falsafah Pendidikan Negara. Bagaimana pihak kerajaan menjalankan usaha untuk memupuk perpaduan masyarakat dengan tidak melupakan elemen sejarah dalam menjadikannya sebagai teras perpaduan negara.

Dapatan Kajian

Dalam usaha merealisasikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berlandaskan kepada identiti nasional terdapat dua pemikiran utama: pertama, konsep *Malaysian Malaysia*; dan kedua,

masyarakat yang mempunyai persamaan antara satu dengan yang lain. Aliran pertama berpandangan bahawa masyarakat harus menerima hakikat bahawa kemajmukan masyarakat di negara ini perlu dipelihara. Perpaduan boleh dicapai walaupun Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk. Aliran kedua berpandangan bahawa untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, maka perlulah diasimilasikan supaya akhirnya dapat membentuk identiti baharu bernama bangsa Malaysia. Perkara ini dapat dicapai melalui proses sosialisasi seperti melalui sistem pelajaran yang sama, penggunaan bahasa yang sama, amalan kahwin campur dan penghayatan ideologi negara melalui Rukun Negara. Perkara yang ingin dipupuk ialah kesedaran nasional dan bukannya kesedaran etnik kerana sekiranya kesedaran etnik masih menebal maka kesedaran nasional akan terpinggir.

Pasca 13 Mei 1969, kerajaan merangka beberapa dasar dalam bidang sosioekonomi yang menjurus kepada perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum serta integrasi nasional. Antara dasar yang dimaksudkan ialah Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru. Dasar-dasar ini diperkukuhkan dengan memperkenalkan 'Rukun Negara' sebagai ideologi kebangsaan dan usaha-usaha bagi mengurangkan tindak-tanduk politik perkauman yang boleh memecah-belahkan rakyat. Dengan itu lahirlah gabungan Barisan Nasional. Sebagai tindakan susulan dalam melengkap dan memperkukuhkan usaha untuk pembentukan bangsa Malaysia, beberapa dasar lain juga turut dibentuk. Antaranya ialah Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara dan Dasar Sosial Negara. Pendirian kerajaan jelas menunjukkan:

“Malaysia tidak harus dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang; ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi, dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata perpaduan nasional dan sosial, dalam erti kata ekonomi kita, dalam erti kata keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa dan keyakinan.”(Mahathir, 1991)

Maka, ingatlah Malaysia pernah melalui satu tragedi pahit yang memalitkan arang di seluruh muka rakyatnya. Belajarlah dari sejarah agar perkara yang tidak perlu dipersoalkan tidak diperkatakan secara umum. Kenyataan yang tidak berasas kepada fakta sejarah sebenar tidak harus dimomokkan. Jangan kerana kepentingan politik sempit dan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan negara. Kesannya amat perit dan parah. Sesungguhnya membina sebuah negara itu amat sukar dan memerlukan proses yang panjang tetapi meruntuhkan hanya memerlukan sedetik waktu sahaja. Ingatlah sejarah itu satu peringatan.

Pemimpin yang Memimpin

Dalam menelusuri peredaran zaman, manusia memerlukan satu anjakan paradigma untuk memikirkan benda yang baharu bagi menghasilkan sesuatu yang lebih bermakna dan bernilai dalam kehidupan. Kepentingan rakyat untuk menjadi warga yang mampu mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang, menuntut satu tanggungjawab daripada barisan kepimpinan untuk melaksanakan dasar baharu dengan harapan keseimbangan antara pembangunan negara, kesejahteraan hidup rakyat, kestabilan ekonomi berterusan pada masa akan datang. Harapan dalam membina wawasan negara harus mampu menghasilkan sebuah negara Malaysia yang maju di mata dunia tanpa perlu meniru pembangunan yang diagung-agungkan oleh negara Barat. Hanya berbangga dengan kemajuan tanpa mengambil kira pembangunan modal insan tidak membawa makna yang sebenarnya. Tiada guna negara membangun dan moden tetapi amanah yang diberikan tidak disertakan dengan integriti yang sepadu (Shaharuddin, 2016). Sesungguhnya sejarah silam Kesultanan Melayu Melaka yang suatu masa dahulu merupakan sebuah empayar yang cemerlang dan terbilang, akhirnya runtuh kerana pemimpin yang sudah hilang integriti. Amalan salah guna kuasa, politik wang, rasuah, kezaliman, pembaziran, nepotisme dan kronisme yang memperlihatkan pengakhiran sebuah Kesultanan Agong Melayu Melaka tersungkur ke bumi melalui penyebab akhir iaitu serangan Portugis. Namun, penyebab utama keruntuhan itu tetap dilupakan oleh generasi mendatang sehingga amalan-amalan buruk itu masih berulang. Oleh itu, seseorang pemimpin harus berjiwa besar dan meletakkan kepentingan rakyat dan negara di hadapan

sesuai dengan slogan *Satu Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan*, tidak sekadar retorik politik semata-mata (“Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”, 2009).

Pembangunan dalam sesebuah negara sedang membangun adalah penting tetapi bersifat sementara. Pembangunan dan kebahagiaan sebenar mestilah seiring dengan pembangunan modal insan. Segala perancangan yang diatur oleh kerajaan untuk membangunkan rakyat dan negara perlu dikaji agar keseimbangan antara tuntutan material dengan tuntutan hidup ke arah keharmonian yang akan melahirkan paduan idea bagi membentuk gagasan yang tidak tersasar dari landasan sebenar. Nilai kehidupan yang berkualiti akan menjamin keseimbangan antara pembangunan material dan kerohanian. Dengan itu, pembangunan negara harus seimbang dengan pembangunan insan yang boleh dipacu dan dilaksanakan melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006)

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

”Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

Falsafah berasal daripada dua patah perkataan Yunani, *philo* dan *sophic* yang membawa maksud *philo-cinta* dan *sophic-hikmat*. Ahli falsafah Barat seperti Sokrates, Plato, Aristotle, dan Descartes memberi definisi falsafah sebagai “keyakinan yang yakin”. Bertitik tolak dari definisi ini, masyarakat Barat menjadikan falsafah sebagai pegangan hidup.

Manakala falsafah dari sudut Islam tidak lari dari makna asalnya, namun diolah bagi memastikan kesesuaian dengan sumber utama agama Islam, iaitu “Cinta terhadap hikmat dan berusaha mendapatkannya”. Daripada takrif ini jelaslah falsafah menurut pandangan Islam mestilah bersandarkan kepada 3 sumber utama iaitu al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Misalnya, “*Barang siapa diberi hikmah, maka ia telah diberi kebaikan yang banyak.*” (Al Baqarah. 2: 269). Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud, “*Hikmah adalah benda yang hilang dari orang mukmin maka siapa yang menemuinya hendaklah ia memungutnya.*”

Dari segi falsafah, maksud pendidikan adalah proses memanusiakan manusia, iaitu proses memupuk dan meningkatkan kesedaran dalam diri manusia (conscientization) tentang fizikal dan metafizikal selaras dengan pandangan Imam Al-Ghazali (Muhamad Rumaizuddin, 2001). FPK dibentuk bagi merealisasikan hasrat negara melahirkan individu yang dapat membangunkan negara dan hidup harmoni serta memupuk kasih sayang. Hal ini bererti sukatan pelajaran, pedagogi, penerapan nilai, kurikulum dan kokurikulum pendidikan dikawal oleh falsafah pendidikan kebangsaan.

FPK pada asasnya menekankan pembangunan empat unsur utama, iaitu: perkembangan intelek; rohani; emosi; dan jasmani. Maka warganegara yang dicita-citakan adalah insan yang mempunyai kepercayaan yang benar dan mantap, patriotik, mencintai ilmu, menjaga kesihatan, dapat berdikari, suka bermasyarakat dan dapat mengawal emosi dengan bijak. Jika dilihat FPK adalah bersesuaian dengan konsep yang diajar dalam Islam itu sendiri, iaitu aspek pembangunan diri manusia. Saidina Umar Al Khattab menjawab soalan Rasulullah ketika ditanya apakah yang akan diminta oleh Umar seandainya doanya dimakbulkan? Jawab Saidina Umar (dalam Muhammad, 2019), “Aku akan meminta sepuluh orang pemuda (remaja) yang gagah dan bijak pandai untuk aku asuh hingga menjadi aset bagi umat Islam”.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak akan berkesan jika tidak dihayati dan dilaksanakan dalam budaya dan institusi pendidikan itu sendiri. Beberapa isu nasional yang menghiasi dada akhbar saban tahun memerlukan jawapan adakah Kementerian Pelajaran Malaysia benar-benar merealisasikan matlamat FPK atau FPK itu sendiri perlu dipinda bagi memenuhi tuntutan negara yang semakin maju dan berhadapan dengan cabaran global. Jawapannya, ialah proses pelaksanaan harus mampu dan benar-benar membawa makna pendidikan itu untuk satu proses menimba ilmu bukan berbentuk *exam-oriented*. Ingatlah keruntuhan sesebuah negara bangsa dan tamadun itu, apabila sesuatu bangsa mula lupa tanggungjawab terhadap pembinaan ilmu. Lalu masyarakat tersebut akan menjadi buta dalam dunia yang serba maju dan canggih. Ingatlah, sejarah itu satu iktibar.

Pembangunan Modal Insan

Perkataan modal insan sudah menjadi tajuk perbualan utama dalam kalangan masyarakat Malaysia suatu masa dahulu. Konsep pembangunan modal insan harus diberi penekanan yang serius selaras dengan perancangan ke arah sebuah negara maju dalam bidang Sains dan Teknologi bersandarkan acuan sendiri dan memenuhi impian Wawasan 2020. Fenomena di Malaysia, dari sudut penggubalan dasar kerajaan amat baik namun dari sudut pelaksanaan dan penguatkuasaan adalah lemah (Ishak, 2009) Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan satu *blueprint*, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), yang menggariskan dasar dan matlamat serta fokus pembangunan modal insan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-9. Tun Abdullah Ahmad Badawi (2006) menegaskan kepentingan modal insan seperti berikut,

“Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan... Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat.”

Perkataan '*modal*' bermaksud sesuatu yang digunakan sebagai asas untuk mengembangkan harta. Maksud yang kedua ialah kelebihan yang dimiliki. Maksud ketiga ialah sesuatu yang digunakan untuk memperoleh sesuatu yang dikehendaki atau diinginkan. Perkataan '*insan*' pula bermaksud manusia. Apabila digabungkan kedua-dua perkataan ini dan membentuk '*modal insan*', ianya dapat disimpulkan sebagai suatu yang digunakan sebagai asas untuk pengembangan, kelebihan yang dimiliki dan sesuatu yang digunakan untuk memperoleh matlamat yang dikehendaki. Hajat ini boleh dicapai hanyalah melalui ilmu pengetahuan dan pendidikan.

Aspek Modal Insan meletakkan syarat berilmu sebagai ciri penting yang perlu ditekankan dalam melaksana dan merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia. Hal ini selaras dengan ajaran Islam yang meletakkan ilmu di tempat yang paling tinggi darjatnya dan menuntut manusia supaya mencari ilmu sebagai bekalan kehidupan di dunia dan di akhirat. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah sebolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (di kalangan kamu) – beberapa darjat. Dan (ingatlah). Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan”. (Surah Al Mujadalah: 11)

Maknanya, dapat disimpulkan bahawa ilmu lebih utama daripada amal. Amal tanpa ilmu adalah perbuatan sia-sia sahaja. Amalan budaya ikut-ikutan tidak digalakkan oleh Islam. Berdasarkan

pandangan tersebut dapatlah dirumuskan bahawa ilmu merupakan modal yang tidak ternilai harganya dan mampu membangunkan potensi serta kejayaan manusia melalui keberkesanan program pendidikan dan latihan yang mencakupi dalam semua aspek kehidupan.

Seterusnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia diperkemas dari semasa ke semasa ke arah memantapkan sektor pendidikan kerana menjadi penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya. Sehubungan itu, kerajaan perlu memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara berkesan untuk menjayakan Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan yang menjadi asas perkembangan ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Modal insan sebagai sumber tenaga yang diperlukan oleh agama, bangsa dan negara. Kejayaan pembinaan modal insan bergantung kepada kehendak kita sebagai rakyat Malaysia kerana yang mencorakkan, mewarnakan, dan membentuk acuan modal insan itu sendiri. Sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum seharusnya sedar bahawa tugas pembinaan modal insan itu bukan sahaja terletak di atas bahu mereka yang berkuasa semata-mata tetapi turut terletak atas bahu ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya. Lantaran itu, rakyat Malaysia harus sedar dan berusaha untuk membina diri menjadi modal insan sesuai dengan konsep *umatan wasatan*. Barulah Malaysia akan dipacu mengikut acuan tersendiri, kemudian mampu keluar dari apa-apa juga kemelut yang melanda. Gagasan Wawasan 2020 sudahpun menutup tirainya, namun pembinaan negara bangsa Malaysia masih berterusan selagi dunia ini ada. Malaysia harus menjadi negara yang masyarakatnya hidup bersatu padu, berkeyakinan, nilai moral yang tinggi dan etika yang kukuh, hidup secara demokratik, amalan toleransi yang tinggi, penyayang, prihatin, adil serta mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang berdaya saing. Mengambil iktibar dari keagungan tamadun dunia, sama ada tamadun Barat mahupun tamadun Islam mestilah diteruskan sesuai dengan ungkapan kuno falsafah sejarah itu sendiri, *Sejarah Mengajar Erti Kedewasaan* (Ishak, Adnan & Nabir, 2014).

Agenda Politik Malaysia Baru

Sarjana Shahrudin (2017) mengingatkan semua parti politik mesti menjalankan program mendidik ahli parti agar memahami tujuan berpolitik. Agenda memartabatkan bangsa Melayu dan Bumiputera perlu menjadi asas dalam pergerakan politik. Parti-parti politik, khususnya ahli-ahlinya perlu dididik agar mengetahui batas dan sempadan supaya pendekatan dan strategi yang digunakan tidak merugikan orang Melayu atau kaum Bumiputera sama ada untuk tempoh terdekat atau untuk jangka masa yang panjang. Amalan politik mestilah meletakkan akhlak Islam sebagai pedoman agar tindakan-tindakan politik tidak berasaskan politik *Machiavelli* semata-mata tetapi asas-asas politik harus berpaksikan kepada syariat Islam bersesuaian dengan konsep *umatan wasatan* atau umat contoh (Shahrudin & Mohammad Syazwanuddin, 2017) Lantaran itu, peranan pendidikan dalam proses pembangunan dan kemajuan orang Melayu dan Bumiputera amat penting. Agenda kesamarataan harus dilihat dari sudut agama dan budaya setempat. Oleh itu, usaha lebih tegas perlu dijayakan oleh pihak yang diberikan amanah untuk memerintah supaya dasar pendidikan dapat dipertahankan bagi melahirkan jati diri Melayu atau Bumiputera (Resolusi Persidangan, 2001). Pada masa yang sama, kaum bukan Bumiputera juga tidak boleh dilupakan. Pendidikan berterusan dan bersepadu dengan berteraskan kepada sejarah pembentukan Malaysia perlu diterapkan agar mereka memahami sejarah itu sendiri dan tidak mentafsirkan mengikut kepentingan tertentu. Sejarah perlu dipelajari berasaskan kepada konsep 'sebagaimana ianya terjadi'. Peranan kepimpinan politik Malaysia amat penting dalam mengangkat rakyat Malaysia agar dapat hidup aman dan harmoni. Seandainya kepimpinan politik Malaysia tidak peka dan serius terhadap bangsa Malaysia, siapa lagi yang harus melakukannya? Apabila diperkatakan tentang bangsa Malaysia, maka ia merangkumi Melayu, Cina, India, Khadazan, Bajau, Dayak dan semua etnik yang terdapat di Malaysia. Bangsa Malaysia boleh dilahirkan sekiranya kepimpinan politik Malaysia memiliki idea dan gagasan pemikiran yang positif dan bertanggungjawab serta benar-benar

mengamalkan slogan ‘Kepimpinan Melalui Teladan’. Aliran pemikiran politik sempit sepatutnya tidak diberikan ruang untuk mewarnai politik Malaysia.

Dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, hak-hak yang diberikan menurut peruntukan perlembagaan harus digunakan sebaik mungkin oleh semua pihak. Jangan biarkan satu pihak sahaja yang mengambil kesempatan terhadap peruntukan-peruntukan tersebut kerana ia adalah hak semua yang bergelar rakyat. Namun keterbatasan pelaksanaan undang-undang oleh pihak yang diberikan kuasa ada kalanya bertindak mengekang hak tersebut. Kini sudah lebih 60 tahun Malaysia merdeka, persoalannya apakah orang Melayu atau kaum Bumiputera sudah maju atau setanding dengan kaum-kaum lain di buminya sendiri? Atau orang Melayu dan Bumiputera masih seperti dahulu, masih mengharapkan sistem kuota dan subsidi (Mahathir, 1982). Ketuanan Melayu mula dipersoalkan oleh banyak pihak khususnya kaum bukan Bumiputera. Sepatutnya Ketuanan Melayu mesti dilihat sebagai sebuah legasi sejarah bangsa Melayu yang mesti dihormati dan sanjungi. Kedudukan raja-raja Melayu tetap disanjung kerana raja-raja Melayu merupakan Ketua Negara Malaysia. Kedudukan mereka tidak boleh digugat oleh sesiapa pun kerana termaktub dalam perlembagaan. Persoalannya, kenapa perkara ini dibangkitkan oleh kaum bukan Bumiputera? Maka timbul persoalan, apakah mereka tidak faham tentang sejarah, tentang kedudukan kesultanan dan yang lebih serius lagi apakah Raja-raja Melayu ini raja orang Melayu semata-mata atau raja Malaysia? Dengan demikian, semakan semula pelaksanaan pendidikan sejarah sebagai mata pelajaran teras harus diperkasakan. Malah, perlu ada sebuah jawatankuasa pemandu ke arah memartabat dan memperkasa mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah agar benar-benar berjaya diterapkan, seterusnya generasi muda dapat mengetahui, memahami dan menghayati sejarah Malaysia. Malah sebuah Akademi Patriotisme Negara (APN) perlu dibina bagi meneruskan kesinambungan penerapan semangat patriotisme dan pembentukan jati diri rakyat Malaysia dilakukan secara berterusan selepas alam persekolahan. Dengan mengenali sejarah negara, baharu semangat patriotisme dalam kalangan rakyat benar-benar dapat direalisasikan. Tidak sekadar sambutan hari ulang tahun kemerdekaan yang saban tahun diraikan dan sekadar sebuah acara tahunan sahaja. Ingatlah sejarah itu satu peringatan dan elemen perpaduan negara yang wajib dilakukan secara berterusan, sesuai dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Menyingkap sejarah *Malayan Union* pula, tanggal 1 Mac 1946 di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur bangkit seorang kanak-kanak berusia 10 tahun, Adnan Haji Osman dengan pesanan kepada orang Melayu (Nik Anuar Nik Mahmud, 2006),

“...Kepada bapa-bapa, kami serukan. Tajalah langkah yang baik, belalah nasib kami ! Pertahanlah hak kami ! Insyallah, waktu kami besar kelak, kami akan memperingati jasa bapa-bapa sekalian dalam sejarah bangsa Melayu yang gilang-gemilang...”

Ikhtibar daripada kata-kata tersebut khasnya kepada kepimpinan politik jangan terlalu leka berpolitik dan mabuk kuasa tanpa memikirkan rakyat yang diperintah. Ingatlah bahawa para pemimpin memikul amanah yang cukup besar dan berat, iaitu untuk memastikan kelangsungan negara bangsa Malaysia agar terus maju, aman, harmoni dan bersatu padu.

Malah Dr. Burhanuddin al-Helmy pernah menyarankan dengan kata-kata keramatnya, “Dari runtuh Kota Melaka, kita bina jiwa merdeka”. Ungkapan kata-kata ini mengingatkan semua orang Melayu bahawa bangsa Melayu suatu masa dahulu adalah sebuah bangsa yang kuat dan ternama sesuai dengan kedudukan Kesultanan Melayu Melayu yang memiliki keagungan dan empayar. Namun kerana kelekaan, salah guna kuasa, amalan rasuah, hasat dengki, ketidakadilan maka kekuasaan tersebut runtuh. Hari ini orang Melayu sedang berhadapan dengan situasi yang sama. Dengan mengambil iktibar daripada kata-kata tersebut maka usaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat mahupun negara memerlukan sebuah jiwa merdeka. Jiwa yang bebas daripada unsur-unsur negatif serta berfikiran jumud. Harus diingat bahawa usaha ini memerlukan sebuah keazaman dan ketekunan kerja yang bersungguh-sungguh kerana tidak ada jalan singkat untuk membangun. Pembangunan perlu seimbang antara tuntutan bangsa Melayu dan Islam sebagai paksinya tidak boleh dikesampingkan. Sejarah membuktikan bangsa Melayu menjadi gemilang, cemerlang dan terbilang hanya dengan berpaksikan

Islam. Melalui Islam bangsa Melayu pastinya akan terbela dan kedudukan akan terjamin. Tanpa meletakkan Islam sebagai asas maka bangsa Melayu seolah-oleh kehilangan identiti justeru timbul persoalan, 'Orang Melayu, dari mana hendak ke mana?' Lantaran itu kita juga jangan lupa amanat Tuan Guru Haji Abdullah Fahim, tokoh yang menetapkan tarikh keramat bagi Tanah Melayu mencapai kemerdekaan iaitu 31 Ogos 1957 dengan pesanan, "Ingatlah bangsa Melayu. Selepas tarikh 31 Ogos 1957 sekiranya orang Melayu jatuh lagi selepas ini. Percayalah bangsa Melayu tidak akan bangkit lagi sehingga hari kiamat." (Tuan Guru Haji Abdullah Fahim, 2009)

Orang Melayu, Bumiputera dan rakyat Malaysia keseluruhannya berpecah mengikut para pemimpin mereka. Fenomena ini bukan memperlihatkan orang Melayu dan Bumiputera semakin kuat tetapi semakin menjadi kelompok-kelompok kecil yang berjuang untuk mendapatkan kuasa dan tampuk pemerintahan. Keadaan ini cukup merugikan bangsa Melayu. Suasana politik hari ini memperlihatkan sejarah tetap berulang. Namun kepimpinan politik Melayu dan Bumiputera serta parti-parti yang bertunjangkan orang Melayu dan Bumiputera tidak mahu belajar daripada sejarah bangsa mereka sendiri. Ingatlah, sejarah itu satu peringatan.

Tsunami Politik 2008 dan 2013

Tsunami politik dalam Pilihanraya Umum 2008 dan 2013, memperlihatkan bahawa sejarah perpecahan bangsa Melayu dan Bumiputera berulang lagi. Namun, orang Melayu dan Bumiputera tetap sama tidak mahu belajar daripada sejarah. Malah, bukan sahaja dipersoalkan oleh orang Melayu tetapi turut dipersoalkan oleh orang bukan Melayu tentang integriti, keikhlasan dan ketulusannya. Kalau dahulu bangsa Melayu berpecah kepada dua kumpulan besar iaitu UMNO dan PAS tetapi hari ini orang Melayu berpecah kepada banyak kumpulan iaitu UMNO, PAS, Parti Keadilan Rakyat, Bersatu, Putera, Warisan dan pelbagai lagi parti kecil orang Melayu dan Bumiputera.

Lantaran itu, mereka yang berkuasa harus memikirkan secara serius dan ikhlas untuk melakukan perubahan demi kelangsungan bangsa Melayu dan Bumiputera serta kedudukan Islam di Malaysia. Sejarah juga membuktikan bahawa Islam adalah agama yang bersifat dagang. Datangnya secara dagang dan tidak mustahil perginya juga secara dagang. Lantaran itu, ditakuti kalau Islam tidak dipelihara dengan sewajarnya maka ia sekali lagi akan berdagang atau berhijrah kepada bangsa yang sudi menerimanya. Lihatlah perkembangan sejarah Islam di India pada zaman kerajaan Monggol dan kedudukan Islam dalam Kesultanan Melayu Melaka. Lantaran kerana kekelekaan maka Islam tidak lagi menjadi benteng kepada kekuasaannya sehingga runtuhnya Kesultanan Melayu yang suatu masa dahulu menguasai hampir seluruh Kepulauan Nusantara. Lantaran itu, persoalannya Kepimpinan Politik Melayu dan Bumiputera, dari mana hendak ke mana? Maka, perlunya pemimpin Melayu dan Bumiputera duduk bersama dan bermuzakarah serta mengetepikan kepentingan masing-masing demi agama, bangsa dan negara. Harus difikirkan secara serius dan lapang dada demi kelangsungan politik dan kelangsungan orang Melayu dan Bumiputera serta kedudukan Islam di Malaysia, bak kata Tan Sri Dato Seri Utama Dr Rais Yatim (2009),

"Orang Melayu mahu apa selepas ini? Soalan ini perlu dijawab segera dengan perbuatan, bukan lagi retorik siasah. Melayu-Bumiputera kelihatan terlalu terperangkap dengan isu kelompok sehingga semacam sudah lupa bertindak sebagai orang Melayu. Walau apapun, selagi Melayu masih Melayu dalam takrif Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan-yakni beragama Islam, bertutur Bahasa Melayu secara lazim dan mengamalkan adat istiadat Melayu-agenda perjuangan Melayu mesti diteruskan. Apabila politik daya hidup atau survival orang Melayu tidak lagi diamalkan dan diulang tayang, bangsa Melayu sendiri akan kehilangan arah tuju. Islam, demokrasi dan kenegaraan beraja, hak ekonomi, kuasa politik, budaya, bahasa Melayu dan ilmu melalui pendidik-ini semua sebahagian perjuangan hidup yang membentuk seseorang individu Melayu. Apabila sesuatu bangsa itu lupa akan perkara pokok ini atau leka berada dalam situasi kompromi dan mementingkan diri, maka unsur persekitaran akan mempengaruhinya lantas melemahkannya."

Lantaran itu, orang Melayu dan Bumiputera harus sedar dan bangkit daripada mimpi yang panjang. Ingatlah bahawa kuasa politik walaupun dicorakkan oleh kepimpinan politik Melayu dan Bumiputera namun sokongan dan dukungan perlu datangnya daripada orang Melayu dan Bumiputera itu sendiri. Kerakusan kepimpinan politik Melayu dan Bumiputera menyebabkan kuasa bangsa Melayu akan tinggal sejarah semata-mata. Sesungguhnya kuasa politik itu bersifat sementara dan tidak kekal. Tanpa kesedaran ia boleh hilang bila-bila masa. Hari ini kedudukan orang Melayu dan Bumiputera serta kedudukan Islam perlu dibela. Kesempatan membela Islam waktu ini terletak di tangan orang Melayu, lantaran itu kesempatan ini tidak harus dipersia-siakan. Islam bukan sekadar retorik semata-mata tetapi ia merupakan *a way of life* yang perlu diamal dan dilaksanakan. Tanpa kedaulatan Islam, orang Melayu tidak akan ke mana-mana.

Jangan lupa, hari ini Malaysia sudah maju ke hadapan dengan beridentitikan masyarakat majmuk. Jadinya, muzakarah dan permuafakatan politik antara semua kaum perlu dilihat secara lebih positif dan serius demi negara Malaysia itu sendiri. Amalan budaya politik sempit dan ekstrim harus dihindar dan meletakkan kepentingan negara mengatasi segala-galanya.

Rumusan

Tidak dapat dinafikan, rakyat Malaysia mempunyai hak untuk hidup secara aman dan harmoni walaupun penduduk negara ini berbilang kaum, agama dan budaya. Bagi menjamin perpaduan dan keharmonian negara, setiap rakyat perlu saling memahami antara satu dengan lain. Seterusnya mengambil langkah-langkah positif dan mengamalkan dasar-dasar yang membina semangat perpaduan. Perkara ini dapat dicapai dengan pelaksanaan satu ideologi nasional iaitu Rukun Negara yang mengandungi unsur-unsur keamanan, kesetiaan kepada raja dan negara, kepatuhan kepada perlembagaan dan aspek-aspek kesopanan serta tatasusila (Zulhilmi & Rohani, 2003). Lantaran itu, perkara ini amat penting kepada negara kerana dalam keadaan ekonomi negara yang sedang membangun, masalah pertikaian dan perbalahan antara kaum akan mengakibatkan kegawatan ekonomi negara. Keadaan ini tidak sihat bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia. Sekiranya dibiarkan berlarutan akan mengakibatkan kelembapan ekonomi dan menggugat kestabilan politik. Pelabur asing akan beralih arah ke negara yang lebih selamat untuk melabur. Kalau ianya dibiarkan berlarutan Malaysia akan memasuki fasa negara gagal. Oleh itu, ambillah iktibar dari sejarah keruntuhan sesebuah negara bangsa supaya kita tidak terjerumus ke lembah yang sama. Ingatlah sejarah itu umpama roda, kalau dibiarkan, keruntuhan itu pastinya akan berulang.

Rujukan

- Carr, E. H. (1965). *What is history?* Middlesex, England: Pelican Book.
- Gawronski, D. V. (1975). *History meaning and method*, Philippine: Scott Foresmen and Company.
- Ibnu Khaldun. (1962). *Filsafah Islam tentang sejarah*. Charles Issawi (terj.). Jakarta: Tintamas.
- Institut Tadbiran Awam Negara. (1991). *Malaysia kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Ishak, S. (2005). *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*. Shah Alam: KARISMA Publications.
- Ishak, S. (2009). *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur. Utusan Publications.
- Ishak, S., Adnan, J., & Nabir, H. A. (2014). *Sejarah dalam arus kesedaran*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan induk pembangunan pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kertas Putih Kerajaan. (1969, 9 Oktober). *Tragedi 13 Mei: Satu Laporan*. Kuala Lumpur: Majlis Gerakan Negara (MEGERAN).

- Kia Soong, K. (2007). *May 13: Declassified documents on the Malaysian riots of 1969*. Petaling Jaya: SUARAM Komunikasi.
- Mahathir, M. (1982). *Malay dilemma*. Singapura: Times Books.
- Mohd. Rumaizuddin, G. (2001). *Tema-tema besar pemikiran Muhamad Al Ghazali*. Diperolehi dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/6012/3726>.
- Mohd. Taib, O. (1988). *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad, Y. A. (2019). *Hayatush Shahabah: Kisah kehidupan para sahabat Rasulullah*. Jakarta: Qisthi Press.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2006, 31 Disember). *Sejarah Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. [Temu bual]
- Rais Yatim. (2009, 7 Februari). Orang Melayu. *Berita Harian*.
- “Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”. (2009, 3 September). *Mstar*. Diperolehi dari <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2009/04/03/najib-satu-malaysia-rakyat-didahulukan-pencapaian-diutamakan>.
- Resolusi Persidangan. (2001). *Agenda Melayu dan perpaduan kebangsaan*. Resolusi Persidangan pada 21-22 April 2001 di Hotel Federal, Kuala Lumpur.
- Shaharuddin, B. (2016). *Masyarakat Madani dan politik, ABIM & Proses Demokrasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Shaharuddin, B., & Mohammad Syazwanuddin, S. (2017). *Islam, demokrasi dan politik bangkangan di Malaysia*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Tuan Guru Haji Abdullah Fahim, (2009, 7 Februari). Amanat Tuan Guru Haji Abdullah Fahim semperna hari kemerdekaan Persekutuan 31 Ogos 1957. *Berita Harian*.
- Tun Abdullah Ahmad Badawi. (2006). *Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Zulhilmi, P., & Rohani, A. G. (2003). *Pendidikan Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.